KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	09.09.22	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	PERHILITAN			



BAHRIN menunjukkan senapang patah yang dirampas.

Buru babi hutan guna senapang tanpa lesen

Kluang: Tindakan warga emas memburu babi hutan untuk dijual kepada warga asing menggunakan senapang tanpa lesen mengundang padah apabila dia ditahan polis di rumahnya di Taman Harmoni di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kluang Asisten Komisioner Bahrin Mohd Noh berkata, lelaki warga tempatan berusia 60-an itu ditahan bersama selaras senapang patah dan 11 butir peluru.

Katanya, turut dirampas 83 bungkusan plastik berisi daging babi hutan serta sebuah Proton Saga milik suspek.

"Pemeriksaan lanjut turut mendapati suspek memiliki rekod jenayah berkaitan Seksyen 324 Kanun Keseksaan iaitu dengan sengaja mendatangkan kecederaan menggunakan senjata berbahaya.

"Suspek dipercayai menjual daging babi hutan berkenaan kepada warga asing termasuk Nepal dan Myanmar di sekitar lokasi ditangkap," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kluang di sini, semalam.

Dalam pada itu, dalam serbuan sama, pihaknya turut menemui sejumlah 28 karton arak seludup yang bernilai RM19,000 yang juga dijual kepada warga asing berkenaan.

"Nilai rampasan keseluruhan termasuk cukai untuk minuman beralkohol berkenaan adalah sebanyak RM27,935.50," katanya.

Katanya, suspek direman selama empat hari sehingga Sabtu ini bagi membantu siasatan.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 8 (a) Akta Senjata 1960 yang memperuntukkan hukuman penjara tujuh tahun atau denda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya sekali.

"Kes juga disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967 dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda sehingga 20 kali ganda nilai barangan atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"Kes turut disiasat mengikut Seksyen 60(1)(b) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya sekali yang dikendalikan oleh Jabatan Perhilitan," katanya.

HM090822_4